

30 AUG 2002

Sukan-Sukma

13 KETUA JABATAN NEGERI SEMBILAN SERTAI KONTINJEN N.SEMBILAN

SEREMBAN, 30 Ogos (Bernama) -- Seramai 13 ketua jabatan kerajaan negeri ini akan menyertai 228 pegawai dan atlet kontinjen Sukan Malaysia (Sukma) Negeri Sembilan ke temasya ke-sembilan itu di Sabah pada 5 hingga 14 Sept ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan, Penerangan, Belia dan Sukan negeri Zakaria Nordin berkata pemergian mereka ke Sabah ialah bagi menyaksikan sendiri temasya sukan itu dan menimba pengetahuan dan pengalaman mengenai penganjuran sukan itu.

"Ini adalah satu daripada langkah awal kita memberi pendedahan kepada mereka kerana Negeri Sembilan akan menjadi tuan rumah Sukma ke-10 pada 2004," katanya di sini, hari ini.

Mereka terlibat secara langsung mengenai pelbagai aspek pengendalian Sukma ke-10 seperti pengangkutan, penginapan, makan minum, teknikal, venue, perhubungan dan keselamatan.

"Aspek ini penting bagi melincinkan perjalanan sukan itu nanti," katanya.

Sementara itu, ketua kontinjen Datuk Ismail Lasim berkata seramai 100 anggota kumpulan kebudayaan negeri ini akan membuat persembahan mereka pada acara penutup Sukma di Sabah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyerahkan bendera Sukma kepada Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad pada majlis itu.

Beliau berkata Sukma di Sabah, Negeri Sembilan akan mempunyai 200 penyokong terdiri daripada 100 pelajar Universiti Malaysia Sabah dan selebihnya pelajar Sekolah Menengah Shan Toa, Kota Kinabalu.

-- BERNAMA

RP NAK